

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status peruntukan yang diberikan kepada kampung-kampung baru di mana RM85 juta telah pun diumumkan dalam Belanjawan 2020. Nyatakan jumlah kampung baharu dan kriteria lantikan pegawai kampung baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperuntukkan sejumlah RM60 juta bagi pembangunan Kampung Baru pada tahun 2020. Peruntukan pembangunan Kampung Baru ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam membangunkan dan meneruskan program-program pembangunan kemudahan infrastruktur dan komuniti di Kampung Baru. Pecahan peruntukan Program Pembangunan Kampung Baru adalah seperti berikut:

- (i) Program Pembangunan Infrastruktur sebanyak RM42 juta;
- (ii) Program Bantuan Baik Pulih Rumah sebanyak RM5 juta; dan
- (iii) Program Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru sebanyak RM13 juta.

2. Daripada peruntukan sebanyak RM42 juta bagi Program Pembangunan Infrastruktur, sebanyak RM15.08 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan 215 projek di Kampung-kampung Baru. Manakala bagi Program Bantuan Baik Pulih Rumah, peruntukan sebanyak RM1.67 juta telah diluluskan untuk membaik pulih 176 buah rumah. Bagi Program Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru pula, kesemua RM13 juta telah disalurkan kepada Bank Simpanan Nasional.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah Kampung Baru di seluruh negara adalah sebanyak 613 buah kampung yang meliputi Kampung Baru, Kampung Baru Rangkaian dan Kampung Bagan. Negeri Perak mempunyai bilangan kampung yang tertinggi iaitu sebanyak 158 buah kampung yang merangkumi 126 Kampung Baru, 17 buah Kampung Baru Rangkaian dan 15 buah Kampung Bagan.

4. Kriteria pelantikan Pegawai Kemajuan Perkampungan perlu mematuhi syarat-syarat utama seperti berikut:
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
 - (c) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (d) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Sekian, terima kasih.